

16 DEC 1997

Sidang (Gulung)

KEGETIRAN KRISIS MATA WANG ERATKAN ASIA TIMUR

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean menamatkan sidang kemuncak tidak rasmi kedua mereka di sini hari ini dengan suasana yang sama seperti semasa permulaan mesyuarat itu, dengan mereka masih lagi memberi tumpuan kepada krisis kewangan itu dan membuat rayuan kepada dunia supaya membantu menstabilkan masalah yang semakin buruk itu.

Sambil mata wang serantau merosot walaupun setelah dibantu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), para pemimpin itu meminta kuasa-kuasa ekonomi seperti Kesatuan Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat supaya turut membantu mengatasi masalah itu.

Tetapi masih terdapat sinar harapan.

Sidang kemuncak itu ditonjolkan dengan perhimpunan pertama Asia Timur yang mengumpulkan semua pemimpin Asean dan rakan sejawatan mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan.

"Terdapat satu perasaan perpaduan, perpaduan dalam kesusahan jika anda suka (beranggapan demikian) kerana kesemua kami telah menderita daripada sejenis penyakit yang berpunca daripada virus yang sama," kata Dr Mahathir pada persidangan berita di akhir sidang kemuncak itu di sini.

Kegetiran krisis seantau itu juga menyaksikan para pemimpin akan bertemu lagi dalam beberapa bulan akan datang untuk mengkaji semula langkah-langkah sebelum mesyuarat kedua Asia-Eropah di London pada April ini.

Para pemimpin Asia Timur itu bersetuju supaya segera dilaksanakan Rangka Kerja Manila yang dicapai bulan lepas untuk mengembalikan kestabilan kewangan rantau ini. Rancangan itu antara lain bertujuan meningkatkan pengawasan serantau dan menyokong kerjasama pembiayaan yang boleh melengkapi sumber-sumber IMF.

Semasa ditanya sama ada beliau merasakan sidang kemuncak itu boleh melakukan sesuatu yang lebih daripada apa yang diputuskan bagi mengatasi krisis kewangan itu, Dr Mahathir berkata apa pun keputusan yang diambil pada sidang kemuncak itu telah "cukup baik".

"Saya tidak fikir bagaimana sidang kemuncak ini boleh melakukan lebih daripada itu... Saya tidak fikir sesiapa pun boleh melakukan lebih (daripada apa yang telah kami lakukan). Saya terima itu," katanya.

Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto pula mengambil peluang itu untuk mengumumkan pakej langkah-langkah bagi melaksanakan reformasi struktur ekonomi yang termasuk penurunan kadar faedah sebanyak 0.5 peratus bagi pinjaman Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA), mewujudkan kredit perdagangan insuran sebanyak AS\$18 bilion untuk infrastruktur dan melatih 20,000 warganegara Asean bagi tempoh lima tahun.

China juga segera memberi jaminan kepada para pemimpin Asean bahawa ia tidak akan menurunkan nilai mata wangnya, Yuan, bagi mengekalkan daya saingnya.

Jurucakap Kementerian Luar China Shen Guofang berkata walaupun China sangat bimbang dengan krisis mata wang itu, ia tidak memilih untuk menurunkan nilai mata wangnya tetapi "akan mengambil langkah lain demi kepentingan kestabilan mata wang lain di rantau ini."

Dengan krisis kewangan itu masih berterusan, para pemimpin Asean mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan kesannya terhadap ekonomi mereka.

Malaysia juga meminta Jepun mengadakan usaha khas bagi menangani ketidakseimbangan perdagangannya dengan negara-negara Asean yang berjumlah

AS\$30.2 bilion tahun lepas.

Terdapat juga perbincangan untuk menimbangkan penggunaan lebih daripada satu mata wang antarabangsa di rantau ini dalam urusanniaga seperti Euro (mata wang tunggal Eropah) dan Yen.

Presiden Filipina Fidel Ramos pula berkata para pemimpin Asean bersetuju pada dasarnya untuk menjalankan perdagangan di kalangan mereka menggunakan mata wang serantau dan meminta menteri-menteri kewangan untuk membincangkan bagaimana melaksanakan langkah itu. -- BERNAMA

TM NAK